

Komodifikasi Persembahan Mak Yung Raja Besar Maha Gading di Istana Budaya

Nur Atiqah binti Samaun, Salman Alfarisi dan Sumathi A/P Maniam
Faculty of Music and Performing Arts
Universiti Pendidikan Sultan Idris
FMSP UPSI Tanjung Malim-Perak, Malaysia

Abstrak: Kajian ini tertumpu kepada mengenal pasti bentuk komodifikasi persembahan Mak Yung Raja Besar Maha Gading di Istana Budaya dengan menggunakan teori komodifikasi. Komodifikasi membawa maksud satu gagasan atau proses yang menjadikan sesebuah subjek pada awalnya bukan komoditi kepada komoditi. Asas bagi melihat subjek yang mengalami komodifikasi adalah dari segi objek, tanda dan kualiti. Kajian ini juga menekankan aspek komersial Mak Yung Raja Besar Maha Gading yang merangkumi strategi pemasaran, pentas, pergerakan pementasan, serta kostume dan tatarias. Seterusnya, pendekatan kajian kualitatif diterapkan di dalam kajian ini. Teknik seperti teknik temubual, pemerhatian dan analisis dokumen juga diaplikasikan di dalam kajian ini. Tujuan kajian ini di buat adalah untuk mengenal pasti bentuk komodifikasi yang telah berlaku terhadap Mak Yung Raja Besar Maha Gading di Istana Budaya. Seterusnya, bagi menambah ilmu pengetahuan kepada masyarakat mengenai pengubahsuaian Mak Yung dan kajian ini juga berfungsi sebagai sumber rujukan untuk penyelidik lain bagi melihat jurang antara kajian atau sebagai rujukan tambahan.

Kata kunci: Komodifikasi, Komersial, Mak Yung, Istana Budaya, Bentuk

PENGENALAN

Mak Yung merupakan salah satu persembahan yang berada di bawah naungan persembahan teater tradisional melayu yang unik sifatnya. [1] Teater adalah penghantaran komunikasi di antara artis dan penonton (Allensworth, 1982). “Mak Yung Warisan Mistik” [2] merupakan sebuah naskah yang mengandungi pengetahuan tentang Mak Yung telah mencatatkan bahawa kronologi persembahan Mak yung ini terdiri daripada upacara buka panggung, persembahan secara keseluruhan mengikut jalan cerita yang merangkumi nyanian, lakonan, tarian dan muzik. Akhir sekali, upacara tutup panggung. Meskipun Mak Yung ini terdiri dari pebagai cerita atau kisah yang di bawa namun struktur perjalanan persembahannya adalah sama seperti yang di telah nyatakan. Mak Yung bukan sahaja sebagai alat hiburan malah ianya juga merupakan salah satu medium penyembuhan penyakit suatu ketika dahulu. Namun kini ritual penyembuhan penyakit ini sudah jarang bahkan sudah tiada dilakukan oleh pemain Mak Yung melainkan ada permintaan untuk penyembuhan penyakit. Hal ini juga telah

diketengahkan dan telah diharamkan oleh beberapa pihak kerana dikatakan perbuatan itu adalah salah dan melanggar dari sisi agama Islam.

Asal usul mengenai Mak Yung masih belum dikenal pasti. Sekitar tahun 1878-an, seorang penjajah Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Frank Swettenham telah mencatatkan bahawa beliau melihat persembahan Mak yung pertama kali di negeri Pahang. Manakala seorang ahli antropologi Walter Skeat 1900 [2] dan Jean Cuisinier 1936 [2] merupakan etnologi Perancis pernah menyebut tentang Mak Yung. Ada juga yang berpendapat bahawa Mak Yung ini berasal dari selatan Thailand yang di bawa masuk ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Terdapat banyak andaian dan teori yang berbicara tentang asal usul Mak Yung walau bagaimanapun teori dan andaian tersebut tidak kukuh untuk dijadikan bukti mengenai asal usul Mak Yung ini. Namun begitu, tahun 2005 pada tanggal 25 November Mak Yung ini telah di iktiraf sebagai ‘*a cultural masterpiece*’ oleh UNESCO yang menjadikan

Corresponding Author: Nur Atiqah binti Samaun, Faculty of Music and Performing Arts Universiti Pendidikan Sultan Idris FMSP UPSI Tanjung Malim-Perak, Malaysia, email: atiqahsamaun95@gmail.com

Mak Yung ini sebagai satu-satunya seni persembahan tempatan yang diangkat serta di beri penganugerahan. Dengan pengiktirafan ini menjadikan Mak Yung sebagai satu warisan budaya di Malaysia.

Tulisan pada naskah “Mak Yung Warisan Mistik” telah mencatatkan bahawa Mak Yung ini dipersembahkan secara tradisi penuh simbolik. Pementasan Mak Yung ini tidak banyak ragam, penggunaan seperti set, prop, latar dan peralatan yang lainnya adalah sederhana bagi menggambarkan sesuatu adegan. Panggung Mak Yung juga biasanya di bina beberapa kaki dari tanah dan kebiasaan panggung yang digunakan bagi pementasan ini adalah panggung terbuka. Para pemain yang terlibat termasuk pemuzik, jong dondang dan juga pelakon akan sentiasa berada di atas panggung pada bahagian tepi bagi persediaan untuk adegan masing-masing kerana persembahan akan dibuat ditengah-tengah panggung.


LATAR BALAKANG KAJIAN

Kajian ini adalah mengenai bentuk komodifikasi yang telah berlaku terhadap persembahan Mak Yung Raja Besar Maha Gading yang di persembahkan di Istana Budaya pada 11 hinggg 13 Oktober 2019. [3] Istana Budaya merupakan sebuah panggung yang pertama di Asia yang mempunyai mekanisme pentas yang canggih bagi pementasan teater. Kajian ini menekankan aspek komersial Mak Yung Raja Besar Maha Gading yang merangkumi strategi pemasaran, pergerakan sebelum, semasa dan selepas pementasan. Seterusnya pentas, kostume dan tatarias. Penggunaan teori komodifikasi akan diterapkan dalam kajian ini bagi melihat bentuk komodifikasi yang berlaku terhadap Mak Yung Raja Besar Maha Gading. [4] Komodifikasi bukan sahaja dilakukan oleh pihak yang melakukan ekonomi, penyumbang kepada modal namun dilakukan juga oleh masyarakat (Adhika, 2012:13). [5] Menurut Vincent Mosco menggambarkan komodifikasi sebagai kapitalisme iaitu perubahan nilai fungsi atau penggunaan sebagai nilai pertukaran. [6] Komodifikasi pada asalnya terdiri daripada dua kata iaitu ‘komoditi’ dan ‘modifikasi’. Kata ‘komoditi’ yang membawa maksud barang yang mempunyai permintaan di pasaran atau barang yang boleh membawa kepada nilai ekonomi. Manakala ‘modifikasi’ pula membawa maksud barang atau bentuk yang sedia ada yang pada asalnya tidak menarik dan merubah keadaan barang atau bentuk tersebut menjadi lebih menarik.

Seterusnya, teori komodifikasi. Teori ini mempunyai asasnya yang tersendiri iaitu objek, tanda dan kualiti. [6] Menurut Beker, sesebuah subjek atau jasa yang mengalami komodifikasi dapat dilihat melalui objek, tanda dan kualiti.

Sinopsis Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini mengisahkan tentang 7 orang beradik yang merupakan anak kepada Raja Besar. Konflik berlaku setelah Wak Nujum memperlihatkan kepada Raja Besar bahawa hanya Raja Bongsu yang layak mewarisi tahtanya. Perbualan Raja Besar dan Wak Nujum di dengari oleh Raja Sulung dan menyebabkan Raja Sulung dan adik beradiknya yang lain mengatur rancangan untuk membunuh Raja Bongsu dengan mengajaknya bermain di Padang Luas. Setelah sampai di Padang Luas beberapa konflik telah berlaku dan Raja Bongsu telah di buang ke dalam sebuah telaga. Kemudian adik-beradik Raja Bongsu pulang ke istana dan memberi tahu Raja Besar dan Permaisuri bahawa adiknya itu telah di bunuh oleh seekor harimau. Namun begitu, Raja Bongsu bernasib baik dimana seorang Tok Peraih Sirih telah menyelamatkannya dan membawa Raja Bongsu tinggal bersamanya. Raja Bongsu telah menggunakan kesaktianya bagi membuka kerajaan baru. Setelah diketahui oleh Raja Besar bahawa ada raja baru memerintah, baginda ingin bertemu dan menyuruh para pengasuh memanggil raja baru itu mengadapnya. Setelah di teliti Raja Besar mendapati raja baru itu adalah anaknya Raja Bongsu yang dikatakan telah mati dimakan oleh harimau. Setelah menceritakan segalanya, Raja Sulung dan adik beradiknya dipanggil. Mereka mengakui kesalahan mereka terhadap Raja Bongsu dan memohon maaf atas perbuatan yang telah mereka lakukan.

DAPATAN KAJIAN



I. Strategi Pemasaran

Sterategi pemasaran atau cara Mak Yung Raja Besar Maha Gading dikomersialkan adalah dengan cara berikut. Pertama pihak Istana Budaya menggunakan artis ternama seperti Nad Zainal, Naque Ariffin, Issey Fazlisham, Izuee Islam dan Che Kem bagi memegang watak dalam persembahan Mak Yung Raja Besar Maha Gading. Tidak ketinggalan watak Raja Besar yang di pengang oleh Rosnan Rahman yang juga merupakan satu-satunya pemain Mak Yung lelaki yang dikenali sebagai Pak Yung Negara. Artis ternama yang dimaksudkan ini adalah mereka yang sudah biasa bermain di dalam pementasan teater bukan sekadar di television, filem dan sebagainya. Ini bermaksud pemilihan artis ternama ini adalah berdasarkan bakat mereka dalam dunia teater bukan berdasarkan *popularity* mereka di dunia hiburan. Namun begitu, artis-artis ini sudah pasti mempunyai peminat dan penyokong mereka yang tersendiri dan ini merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada salah satu aspek komersial terhadap Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini.

Sterategi kedua pihak Istana Budaya telah mengeluarkan tisser yang berdurasi selama 42 saat dan poster bagi mempromosikan teater Mak Yung Raja Besar Maha Gading. Tisser yang berdurasi 42 saat ini menggambarkan sedikit tentang perjalanan cerita Mak Yung Raja Besar Maha Gading dan butiran mengenai persembahan. Manakala, poster ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk menghebahkan tentang waktu, tarikh, tempat, harga tiket serta cara pembelian tiket Mak Yung Raja Besar Maha Gading. Harga tiket yang ditawarkan adalah diantara RM157 hingga RM57 mengikut tempat duduk dan tiket-tiket ini mempunyai 30% potongan harga jika penonton merupakan pelajar dan juga warga emas. Pembelian tiket boleh dibuat melalui kaunter *box office* yang bertempat di Istana Budaya atau melalui www.airasiaredtix.com sebelum tarikh pementasan atau sebelum pementasan berlangsung. Selain itu, poster yang diketuarkan juga memaparkan gambar para pelakon utama seperti Rosnan Rahman (Raja Besar), Nad Zainal (Raja Bongsu), Naque Ariffin (Raja Besar), Issey Fazlisham (Pran Muda), Izzuee Islam (Wak Nujum) dan Romli Mat Rock (Peran Tua). Berikut

merupakan poster rasmi Mak Yung Raja Besar Maha Gading:-



Imej 1: Poster rasmi MYRBMG

Seterusnya, penghebahan melalui media massa seperti television, laman web rasmi Istana Budaya, You Tube dan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan lain-lain. Pelakon yang memegang watak di dalam Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini juga memainkan peranan penting bagi mempromosikan persembahan ini kerana rata-rata pelakon ini mempunyai pengikut mereka yang tersendiri terutama di media sosial yang boleh membawa pengaruh positif terhadap pementasan Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini. Selain itu, penghebahan di rancangan television dan radio juga di ketengahkan bagi mempromosikan pementasan ini. Rancangan television yang pernah memaparkan tentang Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini adalah Malaysia Hari ini, Meletop (Astro Ria), Awani Pagi (Astro). Manakala rancangan radio yang mengiklankan persembahan Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini adalah radio Suria FM. Tujuan promosi ini dijalankan di media massa adalah bagi memperkenalkan Mak Yung dan sekali gus dapat menarik minat lebih ramai penonton untuk datang melihat persembahan Mak Yung Raja Besar Maha Gading. Selain itu, iklan pada digital *bil bord* di jalan Tun Razak juga dipamirkan bagi tujuan penghebahan mengenai persembahan Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini. Perasmian sehari sebelum pementasan juga diadakan iaitu pada 10/10/2019 jam 8 malam bertempat di lobi Istana Budaya oleh timbalan ketua pengarah Istana Budaya. Berikut antara poster hebahan pengiklanan Mak Yung Raja Besar Maha Gading di television dan media sosial:-



Imej 2: Poster Hebahan MYRMG

II. Pergerakan Pementasan

Pergerakan pementasan Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini dibahagikan kepada tiga iaitu sebelum pementasan, semasa pementasan dan setelah pementasan. Pergerakan sebelum pementasan berlangsung, pihak Istana Budaya telah menggunakan ruangan lobi sebagai ruang pameran. Ruang lobi dihiasi dengan pameran seperti kostum Mak Yung pada *mannequin*, *props* seperti rotan berai, perhiasan Mak Yung seperti lapik dada atau 'la', cucuk sanggul, gelang tangan, tali pinggan besi, pemanis dahi atau gendik dan perhiasan yang di pakai oleh watak Pak Yong juga turut di pameran di sekitar lobi Istana Budaya. Selain itu, terdapat juga pameran lukisan yang berkaitan dengan Mak Yung. Poster dan gambar para pelakon juga turut di pameran di ruang lobi. Penjualan baju Mak Yung Raja Besar Maha Gading juga turut di jual. Di sini dapat dilihat komodifikasi berlaku sebelum pementasan berlangsung di mana mereka mengambil peluang menjual barang yang berkaitan dengan Mak yung Raja Besar Maha Gading. Memandangkan Istana Budaya merupakan panggung yang bertaraf tinggi ia mempunyai peraturannya yang tersendiri di mana para penonton haruslah berpakaian kemas dan sopan. Makan dan minum di dalam panggung juga tidak dibenarkan. Seterusnya, sebelum pementasan berlangsung para penonton di minta berdiri dan menyanyikan lagu Negara Ku. Perbezaan yang amat ketara dapat dilihat jika dibandingkan dengan persembahan Mak Yung

sebelum ini, seperti yang tercatat dalam naskah 'Mak Yung Warisan Mistik' [2]. Pangung Mak Yung hanya terdiri daripada lantai, tiang dan atap sahaja. Amat sederhana dan tidak rumit. Penonton Mak Yung juga boleh memilih tempat duduk yang mereka inginkan berbeza di Istana Budaya di mana mereka harus duduk di tempat yang sudah mereka pilih sewaktu pembelian tiket. Perubahan tempat duduk juga tidak dibenarkan.

Semasa pementasan Mak Yung Raja Besar Maha Gading berlangsung penggunaan telefon bimbit adalah dilarang. Merakam atau mengambil gambar sewaktu pementasan berlangsung adalah salah satu hal yang melanggar peraturan serta etika panggung. Pihak Istana Budaya juga menyediakan waktu rehat kepada para penonton selama 15 minit. Dengan waktu rehat yang diberikan oleh pihak Istana Budaya para pelakon dapat membuat persediaan untuk ke babak yang seterusnya dengan waktu yang lebih lama begitu juga dengan penonton, memandangkan pementasan Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini memakan masa lebih kurang tiga jam penonton berkemungkinan akan merasa bosan, namun dengan adanya waktu rehat ini dapat mengurangkan rasa bosan penonton. Merasa bosan disini bukanlah bermaksud pementasan ini membosankan namun biasanya pamentasan tradisional seperti ini kurang menarik minat para generasi muda kerana generasi kini lebih tertarik kepada gadget yang boleh mengekses hiburan hanya dihujung jari.

Selepas pementasan, panggung harus dikosingkan dengan segera. Para penonton boleh bergambar serta *autograph* bersama para pelakon seperti Rosnan Rahman, Nad Zainal, Issey Fazlisham, Izzue Islam, Naque Ariffin, Che Kem dan lain-lain. Namun begitu, sebelum bergambar dan *autograph* para penonton harus membeli sebuah buku *autograph* yang berharga RM5. Disini juga telah berlakunya komodifikasi dimana penonton harus membeli buku *autograph* sebelum bergambar dengan para pelakon.

III. Pentas

Pentas ini dibahagiakan kepada beberapa bahagian iaitu latar tempat, set, *props*, muzik / pemuzik, multimedia, dan kesan khas. Bahagian yang pertama iaitu latar tempat. Di dalam Mak

Yung Raja Besar Maha Gading ini terdapat beberapa latar tempat iaitu Istana Raja Besar, rumah Wak Nujum, Pasar, Padang luas, rumah Tok Peraih Sirih dan Istana Raja Baru. Latar tempat ini digunakan sangat maksimum dari atas ke lantai pentas. Hal ini dapat dilihat pada setiap babak yang bertukar di mana latar tempat berubah secara maksimum.

Seterusnya, penggunaan set dan *props* adalah *reality* bukan bayangan seperti mana Mak Yung yang asli di mana kebanyakan set adalah bayangan semata-mata. Terdapat kelebihan daripada perubahan ini dimana penonton tidak harus membayangkan lagi bagaimana situasi pada ketika itu kerana semua peralatan yang digunakan adalah berbentuk *reality*. Namun begitu, imaginasi penonton menjadi terhad kerana set, *props* dan latar setiap babak sudah berbentuk *reality*. Contohnya seperti babak ketika Raja Bongsu dicampakkan kedalam perigi dan perigi tersebut dizahirkan di dalam bentuk *reality* sedangkan Mak Yung yang asal penggunaan set, *props* dan latar ini adalah minima dan lebih kepada imaginasi pelakon yang disampaikan kepada penonton. Seperti yang tercatat pada naskah Mak Yung Warisan Mistik [2] 'Mak Yung dipersembahkan secara tradisi penuh simbolik tanpa banyak menggunakan alat bantuan lain'. [2] Terdapat beberapa *props* yang penting seperti rotan berai, golok dan keris. Ketiga-tiga *props* mempunyai maksud tersirat yang tersendiri. Rotan berai berfungsi sebagai pedang apabila dua orang raja bertarung atau berperang. Rotan berai juga berfungsi sebagai lambang perigatan dari raja kepada rakyatnya yang melakukan kesalahan dan fungsi lain rotan berai adalah digunakan ketika upacara ritual atau penyembuhan penyakit. Seterusnya, keris dan golok. Keris merupakan pelambagan kepada kemuliaan seorang raja namun begitu, penggunaan keris ketika persembahan hampir tidak ada. Manakala golok pula menjadi *props* yang sinonim dengan Peran Tua dan Peran Muda. Disini, jelaslah bahawa penggunaan *props* ketika pementasan adalah minima.

Muzik dan juga pemuzik berada di atas pentas sepanjang persembahan berlangsung. Hal ini mempunyai sedikit perbezaanya dengan Mak

Yong yang asli [2] pemuzik dan pelakon berada di tepi pentas sepanjang pementasan berlangsung bagi memudahkan urusan kelur masuk babak yang akan dimainkan. Namun ianya berbeza dengan Mak Yung Raja Besar Maha Gading dimana hanya pemuzik sahaja yang berada di atas pentas sepanjang persembahan berlangsung. Watak seperti watak Inang dan Jong Donde akan masuk ke belakang pentas hal ini kerana ada diantara mereka memegang dua watak dan harus menukar pakaian. Hal ini boleh disimpulkan kepada perubahan di mana Mak Yong yang asli menggunakan beberapa orang pelakon dan inang sahaja. Berbeza dengan Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini menggunakan pelakon semaksima mungkin bagi menjayakan sesuatu watak dan juga persembahan.

Akhir sekali, multimedia dan kesan khas. Kedua-dua elemen ini digunakan di dalam pementasan Raja Besar Maha Gading ini. Di mana kedua-dua elemen ini dapat menambah kesan terhadap situasi yang berlaku. Sebagai contoh sewaktu babak Raja Bongsu menggunakan kesaktianya untuk merubah rumah Tok Peraih Sirih yang usung kepada istana kesanya amat menarik kerana mereka menggunakan *smoke machine* dan kesan khas yang lainya tanpa menutup tirai atau sebagainya dengan hanya menggunakan kesan khas beberapa minit kemudian latar sudah berubah.

IV. Kostume dan Tatarias



Imej 3: Kostume Watak Anak Raja Besar

Unsur kostume dan tatarias sudah pasti tidak terlepas dari sesebuah persembahan. Penggunaan kostume yang sangat menarik, amat dititik

beratkan oleh pihak Istana Budaya. Penggunaan kostume Pak Yung atau Raja Besar adalah berbeza ketika mempromosikan Mak Yung Raja Besar Maha Gading dengan sewaktu persembahan. Hal ini juga menjadi salah satu daya tarik kepada penonton di mana strategi sebegini dititik beratkan. Selain itu, penggunaan kostume penari dan juga Inang seragam dan cantik sama seperti kostume pemuzik. Mereka memakai pakaian yang seragam dan kemas. Berbeza dengan Mak Yung yang dimainkan di kampung “penggunaan kostume bagi penari adalah seragam namun tidak menonjol sehingga menenggelamkan watak utama. Namun, pemuzik memakai pakaian biasa dan bebas tidak seragam”.



Imej 4: Makeup Watak Tok Peraih Sirih

Tatarias juga amat memainkan peranan penting di dalam pementasan ini kerana kesan daripada make up itu menjelaskan watak yang di bawa. Contoh seperti gambar di atas, watak Tok Peraih Sirih. Watak ini merupakan watak yang dipegang oleh Che Kem iaitu watak orang tua (Tok Peraih Sirih) jelaslah kelihatan tua pada wajah Tok Peraih Sirih kerana kesan make up yang di kenakan. Sama seperti watak-watak lain mereka di make up dengan cantik dan kemas namun ianya masih di tahap yang minima supaya tidak menenggelamkan watak utama.

RUMUSAN

Seperti yang telah nyatakan pada peringkat pendahuluan Mak Yung yang dicatatkan pada naskah 'Mak Yung Warisan Mistik' [2] pada ketika itu Mak

Yung biasanya menggunakan pentas yang tingginya hanya beberapa meter dari tanah dan panggung tersebut hanya terdiri daripada tiang, lantai dan juga bumbung berbeza dengan Mak Yung Raja Besar Maha Gading yang di persembahkan di istana budaya ini dimana pentasnya tertutup dan mempunyai dinding. Perubahan ini berlaku disebabkan oleh strategi atau cara Mak Yung ini dikomersialkan. Dimana Istana Budaya merupakan pentas yang bertaraf tinggi. Apabila membuat persembahan di tempat yang bertaraf tinggi struktur dan bentuk persembahan juga haruslah mengikut kehendak semasa. Sebagai contoh perubahan yang telah berlaku merupakan salah satu faktor yang disebabkan oleh kehendak semasa. Selain itu, pengharaman yang telah dinyatakan di awal artikel ini juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada perubahan Mak Yung ini. Secara keseluruhan Mak Yung Raja Besar Maha Gading ini telah mengalami komodifikasi dari pelbagai sudut terutama dari segi strategi pemasaran, pergerakan pementasan, pentas, kostum serta tatarias.

RUJUKAN

- [1] Azlina Hussin. (2015). Persepsi Penonton terhadap Pementasan Teater Tradisional Mak Yung. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- [2] Rahimidin Zahari & Sutung Umar. RS. 2011. Mak Yung Warisan Mistik Malaysia. Kuala Lumpur: Intitisi Terjemahan Negara Malaysia.
- [3] Ahmad Muaddib Abdull Halim. (2011). *Kajian Istana Budaya Selepas 10 Tahun*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- [4] Sri, Dwi. Lestari. (2014). *Komodifikasi Dramatari Cak Ramayana Desa Singaoadu dalam Industri Pariwisata*. Denpasar: Universitas Udayana.
- [5] Iyan Setiawan. (2013). Komodifikasi, Spasialisasi Dan Strukturasi Dalam Program “Indonesia Mencari Bakat Musim 3”. <https://iyansetione.wordpress.com/>
- [6] Joshua Febry Nugroho. (2017). Diperolehi pada 6 Ogos 2019 daripada <https://www.scribd.com/document/358303307/kajian-Komodifikasi>